

GWGFx BBH Sabah taja Kejohanan Boling Antarabangsa UMS

NST 4.9.2014 22

KOTA KINABALU: Kejohanan Tenpin Boling Terbuka Antarabangsa Universiti Malaysia Sabah yang berlangsung baru-baru ini mendapat penajaan lumayan dari GWGFx BBH Group Sabah.

Menurut Pengurus GWGFx, Sarians Shah Shamsudin, pihaknya berbesar hati menaja hadiah wang tunai sebanyak RM50,000 bagi menjayakan kejohanan tersebut.

"Pihak kami berminat menyumbang dalam acara sukan seperti ini kerana selain dapat

merapatkan jurang interaksi dengan masyarakat, menerusi sukan juga dapat mengaktifkan gaya hidup sihat," katanya ketika ditemui di Centre Point, Kota Kinabalu.

Beliau turut menambah, antara penganjuran sukan lain yang pernah ditaja adalah futsal dan bola sepak kerana kedua-dua sukan ini merupakan acara sukan yang paling ramai pengikut dan peminat di seluruh Malaysia.

"Penglibatan kami dalam penajaan sukan dapat membantu masyarakat terutama belia

dalam mengamalkan cara hidup sihat dan memupuk minat serta keterujaan mereka menyertai pertandingan mahupun kejohanan yang mampu meningkatkan kemahiran, seterusnya membutirkan 'bintang' dalam bidang sukan," katanya.

Kejohanan yang berlangsung sempena sambutan 20 tahun penubuhan UMS itu juga menerima penyertaan daripada pemain-pemain boling handalan dunia seperti Mika Mika Kouvineimi, Paeng Nepomuceno, Biboy

Rivera serta Wang Yu-ling termasuk juga pemain-pemain tempatan.

Jurucakap penganjur turut mengumumkan yang kejohanan ini bakal dianjurkan 2 tahun sekali memandangkan sambutan yang sangat menggalakkan dari peserta untuk edisi sulung ini.

Turut bersama menaja kejohanan ini ialah FADA Engineering serta Asli Jati Engineering dan disokong oleh Kementerian Belia dan Sukan Negeri Sabah.